

# *Maslahah* Dalam Sejarah Pembinaan Hukum Islam

Mohd Noor Deris

## Abstract

*Maslahah Mursalah* plays a significant role in the formation of Islamic law. The current article discusses the development of the source of law with special reference to its contribution in the process of islamisation of law in Malaysia

## Pendahuluan

Artikel ini cuba menilai kembali method para fuqaha silam dalam pengembangan hukum. Penekanan dalam penganalisaan tajuk ini diberikan kepada beberapa aspek berkaitan dengan sejarah awal pertumbuhannya sehingga peringkat kematangan dan kemuncak kegemilangannya.

Sebagai agama sejagat, Islam telah membuka pintu bagi menyesuaikan pelaksanaannya dengan perkembangan hidup manusia. Pada masa hayat Rasulullah (s. 'a.w.), iaitu di peringkat pertama pembentukan hukum Islam, Rasulullah (s. 'a.w.) menerima fikiran dan ijtihad para sahabat sepertimana ternyata dalam hadith Mu'az bin Jabal' walaupun sumber-sumber hukum Islam pada masa itu hanyalah Kitab

Allah dan Sunnah Rasul-Nya.<sup>2</sup>

Apabila Rasulullah (s. 'a.w.) wafat pada tahun 10 Hijrah (631 M) dan penurunan wahyu pun tamat, para mujtahid mula menggunakan fikiran mereka dalam bidang perhukuman secara meluas. Mereka telah berijtihad memahami nas-nas dan mempraktikkan kaedah atau prinsip yang umum bagi masalah baru yang lahir dalam masyarakat. Praktik tersebut berasaskan method *Istishab/Qiyas, Istihsan, Masalih Mursalah, Sadd al-Zara'i*, 'Urf dan lain-lain lagi.

### Latarbelakang

*Maslahah Mursalah* adalah sumber hukum yang telah memainkan peranan penting dalam sejarah perhukuman Islam dari semasa ke semasa. Para ulama bukan sahaja berbeza pendapat sehubungan dengan autoriti *Maslahah Mursalah* ini, malah juga menggunakan istilah yang berlainan dalam pemakaiannya. Walau bagaimanapun mereka hanya bersepakat bahawa *Maslahah* merupakan salah satu daripada tujuan Syarak.<sup>3</sup>

Muhammad Sa'id Ramadan al-Butiy, ulama kontemporari dan penulis terkenal di Timur Tengah menyatakan bahawa pembinaan hukum-hukum syarak atas dasar *Istislah* adalah menjadi perkara sepakat sejak zaman sahabat hinggalah Imam-imam mazhab, sama ada dengan memakai nama *al-Istislah, Ijtihad, Qiyas, al-Istihsan* atau 'Urf.<sup>4</sup>

Seterusnya Muhammad Sa'id menerangkan bahawa ada di antara mereka menamakan method ini dengan *al-Masalih al-Mursalah*, seperti al-Baidawi (m. 685 H.), al-Razi (m. 606 H.), dan TajudDin al-Subki (727-771 H). Ada pula yang menamakan *Mula'im al-Mursal* seperti Ibn al-Hajib (571 - 646 H.) dalam bukunya *al-Mukhtasar* dan al-Kamal bin al-Humman (788 - 861 H.) di dalam bukunya *al-Tahrir*.<sup>5</sup>

Bila diteliti dalam hal ini kita dapati beberapa istilah misalnya, *al-Masalih al-Mursalah; al-Munasib al-Mursal; al-Mursal al-Mula'im; al-Istidlal; al-Istislah* dan lain-lain *ta'bir* atau istilah lagi. Walau bagaimanapun dalam perkara-perkara seperti ini yang menjadi punca pegangan ialah hakikat maksud daripada satu-satu istilah itu sendiri dan bukan sebutannya.

Mengikut Dr. Sufi Hasan Abu Talib, Imam al-Ghazali (450 - 505 H.) menggunakan perkataan "*al-Istislah*" bagi maksud *al-Masalih al-Mursalah* yang masyhur dalam mazhab Maliki dan Hanbali.<sup>6</sup>

### *Maslahah* Pada Zaman Sahabat Dan Tabi'in

Konsep *Maslahah* ini telah diamalkan oleh para fuqaha zaman sahabat dan tabi'in. Sebagai contoh, Abu Bakr (r. 'a.) sebagai Khalifah pertama (632 M.) di dalam pemerintahan kerajaan Islam telah berwasiat supaya 'Umar Ibn al-Khattab (r. 'a.) menggantinya. Tetapi Khalifah 'Umar (634 - 44 M.) tidak menentukan Khalifah

selepasnya, walaupun beliau menerima penentuan (wasiat) Abu Bakr. Ini adalah berdasarkan kepada *Maslahah*. Pada masa Abu Bakr, perpecahan umat Islam mungkin berlaku kalau pemilihan Khalifah diserahkan kepada pendapat umum. Manakala pada akhir pemerintahan 'Umar keadaan politik dan sosial sudah setabil. Jadi umat Islam menggunakan *Maslahah* dalam memilih Khalifah mereka sendiri.<sup>7</sup>

Demikianlah juga sikap dua orang Khalifah selepas 'Umar, iaitu Khalifah 'Uthman Ibn 'Affan (644 - 56 M.) dan Khalifah 'Ali Ibn Abu Talib (656 - 64 M.). Mereka mengikuti jejak langkah yang dilakukan oleh Khalifah Abu Bakr dan 'Umar berhubung dengan hal pentadbiran negara. Mereka mengeluarkan fatwa sendiri ketika tidak terdapat hukum di dalam al-Quran atau Hadith mengenai sesuatu masalah. Fatwa yang dikeluarkan oleh mereka itu menjadi hukum muktamad dan dikuatkuasakan.<sup>8</sup>

Sebagai contohnya, 'Uthman Ibn 'Affan (r. 'a) (Khalifah ketiga) mengeluarkan fatwa supaya dikeluarkan zakat kuda. Beliau berpendapat bahawa di zaman Rasulullah tidak banyak kuda dan pula sangat mustahak untuk peperangan. Maka sebab itulah Rasulullah tidak mewajibkan zakat kuda. Tetapi pada masa beliau memerintah didapati kuda sudah banyak dan dijadikan barang perniagaan. Maka sebab itulah beliau mengeluarkan fatwa supaya dikeluarkan zakat kuda.<sup>9</sup> Ini jelas menunjukkan fatwa hasil ijtihad Khalifah itu berdasar *Maslahah* umat Islam semasa.

Manakala Khalifah ke empat 'Ali Ibn Abu Talib (r. 'a.) melihat keadaan di dalam masa pemerintahannya, orang ramai sangat memerlukan para tukang. Oleh kerana terdapat di antara tukang-tukang berkenaan yang selalu menyembunyikan barang-barang yang diupah menyiapkannya, 'Ali Ibn Abu Talib mengeluarkan hukum *Tadmin al-Sunna* iaitu mengenakan ganti rugi ke atas tukang terhadap barangan yang mereka dakwa telah rosak apabila mereka gagal membuktikan yang kerosakan itu tanpa sebab dari mereka. 'Ali (r. 'a.) berkata:

( لا يصلح للناس الا ذلك )

Maksudnya: "Manusia (masyarakat) tidak akan mendapat masalah (kebaikan) melainkan dikuatkuasakan peraturan itu". Hukum yang baru ini sebenarnya ditentukan dan di kuatkuasakan semata-mata kerana menjadi *Maslahah* di mana tidak terdapat nas (Quran atau Hadith), Qiyas atau Ijma'.<sup>10</sup>

Keterangan di atas sudah cukup menjelaskan sikap para Sahabat (r. 'a.) terhadap *al-Masalih al-Mursalah*. Demikianlah juga sikap Tabi'in. Khalifah 'Umar Ibn 'Abdul 'Aziz (96-101 H.) misalnya, merupakan Khalifah yang pertama mewujudkan jawatan mufti. Langkah beliau inilah kemudiannya diikuti dari masa ke masa hingga sekarang ini di kalangan masyarakat Islam di merata-rata negeri.<sup>11</sup> Beliau juga mengarah gabenor-gabenornya supaya mendirikan *Khanat* atau rumah-rumah tumpangan di pertengahan jalan Kharasan untuk memberi kemudahan kepada para musafir. Sedangkan kemudahan seperti ini tidak diwujudkan pada zaman Nabi (s. 'a.w.). Tindakan ini adalah semata-mata *maslahah* atau kepentingan bagi orang-orang musafir yang ramai di zaman keemasan itu. Keperluan kepada kemudahan seperti itu pada waktu itu hampir sama dengan keperluan hotel-hotel pada masa kini.<sup>12</sup>

Ulama-ulama pada akhir zaman Tabi'in bertanggungjawab mengumpul hadith-hadith Nabi dan membukukannya. Langkah mereka ini diikuti dengan usaha-usaha merumuskan kaedah periwayatan atau *Usul al-Riwayatnya* dan *Ilm al-Jarh Wa al-Ta'dil*" atau ilmu kritik hadith.<sup>13</sup> Mohammad Sa'id Ramadan al-Buti memetik dari *Tarikh Ibn 'Asakir* yang berkata bahawa permulaan penyusunan Hadith itu berlaku pada akhir-akhir zaman Tabi'in. Orang yang mula-mula menyusun *al-Athar* ialah Rabi' Ibn Subaih dan Sa'id Ibn Abi 'Urwah. Mereka kemudian diikuti oleh yang lain-lain... dan orang yang mula-mula menyusun *Ilm al-Jarh wa al-Ta'dil* ialah Yahya Ibn Sa'id *al-Qattan* (120 - 198 H.). Seterusnya al-Buti menegaskan bahawa hukum usaha-usaha itu semua tidak ada dalam al-Quran. Sebenarnya para Tabi'in memandangkan *maslahah* untuk memelihara Sunnah Rasulullah (s.'a.w.) dan menyekat usaha jahat oleh golongan *Fasiq* atau orang-orang yang tidak bertanggungjawab.<sup>14</sup>

### **Pertumbuhan Mazhab Fiqh**

Cara ijtihad yang dilakukan oleh para Sahabat dan Tabi'in tersebut kemudiannya diwarisi dan diikuti oleh kalangan para ulama *Tabi' al-Tabi'in* seperti Abu Hanifah, Sufyan dan Ibn Abi Laila di Kufah. Ibn Juraij di Mekah; Malik bin Anas dan Ibn al-Majishun di Maidnah; 'Uthman al-Bitti dan Suwar di Basrah; al-Azu'a'i di Syam; serta al-Laith bin Sa'd di Mesir. Mereka melakukan ijtihad untuk mengeluarkan fatwa sekiranya tidak mendapati hukum yang diperlukan di dalam al-Qur'an dan Hadith atau fatwa yang dikeluarkan oleh 'ulama sebelum mereka.<sup>15</sup>

Sebagai contohnya, Imam Abu Hanifah (60 - 150 H.) mengeluarkan banyak fatwa yang tergolong di dalam dasar *al-Istislah* walaupun dengan nama *al-Istihsan*. Antara fatwa tersebut ialah "Tidak boleh diterima taubat kafir zindiq<sup>16</sup> apabila taubatnya itu berlaku setelah ditangkap ke atasnya." Tentang hal ini, 'Abidin mengulas katanya" Itu adalah Qiyas Qaul Abu Hanifah dan ianya sangat cantik.<sup>17</sup>

Fatwa Abu Hanifah (rh.) bahawa kata seseorang "semua hartaku sedekah", sebagai sedekah itu bermaksud kadar zakat sahaja berasaskan kepentingan supaya dia tidak menjadi papa kedana. Adalah tidak elok seseorang itu bersedekah kemudian meminta-minta hak orang lain pula.<sup>18</sup>

Imam Malik (93 - 179 H.) yang dikenali sebagai orang tokoh utama ulama yang menjadikan *Masalih Mursalah* sebagai sumber hukum banyak memberi fatwa berasaskan sumber ini. Antara lain ialah harus bagi pemerintah yang adil mewajibkan ke atas para hartawan mengeluarkan wang sebanyak yang mencukupi ketika di perlukan oleh tentera-tentera semasa *Baitulmal* atau perbendaharaan kerajaan tidak dapat menampung keperluan itu.<sup>19</sup>

Imam Syafi'i (150 - 204 H.) juga banyak memberi fatwa yang berdasarkan kepada *Istislah* walau pun atas nama Qiyas mengikut istilahnya. Sebab itulah beliau berkata ijtihad selama-lamanya tidak berlaku kecuali untuk menentukan sesuatu hukum. Bagaimapun ia tidak mungkin terjadi kecuali berasaskan dalil-dalil. Dalil-

dalil itulah *Qiyas*.<sup>20</sup>

Sebagai contoh ialah fatwanya yang terdapat dalam kitab *al-Umm*. Kata beliau, "Kalau mereka bersaksi ke atas seorang lelaki bahawa lelaki itu telah menceraikan isterinya tiga kali, lalu hakim memisahkan antara keduanya, kemudian mereka menarik balik kesaksian itu maka hakim mestilah mendenda mereka sebanyak *Sadaq Mithil* (maskahwin yang sebandingnya) jika sudah disetubuhi. Kalau belum, mereka hendaklah didenda separuh *Sadaq Mithil*. Kerana merekalah yang menghalang wanita tadi dari suaminya".<sup>21</sup> Fatwa ini memang tidak berdasarkan kepada nas al-Quran atau Hadith, tetapi sebaliknya berasaskan *Maslahah* untuk mengawal tipu helah saksi-saksi bohong dan pendengki-pendengki. Tidaklah menjadi persoalan kerana beliau menamakannya sebagai "*Qiyas*". Sebab masalah nama atau istilah bukan perkara pokok. Apa yang penting ialah hakikat pengertian *Maslahah Mursalah* itu dijadikan asas dalam menentukan hukum.

Imam Ahmad Ibn Hanbal (164 - 241 H.) dianggap orang kedua masyhurnya sesudah Imam Malik yang memakai *Masalih Mursalah* sebagai sumber perundangan Islam, meskipun atas nama *Qiyas* dalam pengertiannya yang luas.<sup>22</sup>

Banyak fatwa yang berdasarkan *Maslahah* yang diriwayatkan daripada Imam Ahmad (rh.). Antaranya ialah fatwa beliau bahawa bahan ahli *Fasad* hendaklah dibuang negeri ke tempat yang dapat mengelakkan daripada angkara jahat mereka.

Beliau juga berpendapat peminum arak pada siang hari Ramadan hendaklah diberatkan lagi *hadnya* daripada biasa.<sup>23</sup>

Seterusnya pengikut-pengikut atau murid-murid Imam Abu Hanifah, Imam Malik, Imam Syafi'i dan Imam Ahmad Ibn Hanbal (rh.) yang mempelajari dan mengumpulkan semua fatwa yang dikeluarkan itu berpegang teguh kepada fatwa yang dikeluarkan oleh Imam-imam mereka. Mereka juga kadangkala melakukan ijtihad sendiri untuk mengeluarkan fatwa terhadap sesuatu masalah sekiranya mereka tidak mendapati hukum yang berkenaan di dalam al-Quran dan Hadith atau fatwa itu yang dikeluarkan oleh Imam mereka. Hal ini berterusan sehingga sampai ke pertengahan abad yang ke 10.<sup>24</sup>

### Pemakaian *Maslahah* Dalam Proses Islamisasi Di Malaysia

Proses Islamisasi yang berlaku serentak dengan gerakan menerapkan lunas-lunas fiqh Islam telah mendorong ke arah kelahiran satu corak perundangan Islam dalam kehidupan masyarakat Melayu sejak Islam mula berkembang secara besar-besaran di rantau ini pada abad ke 13M. Penyerapan ini kemudiannya diperkukuhkan lagi dengan penerimaan istilah-istilah perundangan Islam dan institusi-institusinya ke dalam hukum adat Melayu, iaitu undang-undang adat Temenggong dan undang-undang adat Perpatih.<sup>25</sup>

Proses penyerapan undang-undang Islam dalam masyarakat Melayu berjalan lancar sehingga sekarang kerana adanya dua jawatan perundangan yang penting, iaitu institusi Kadi dan Mufti. Kadi adalah seorang hakim yang melaksanakan perundangan Islam, sementara Mufti pula merupakan seorang pakar yang mengeluarkan fatwa

dalam masalah yang berhubung dengan perundangan Islam. Institusi-institusi inilah yang menjadi tenaga pendorong yang kuat bagi pelaksanaan undang-undang Islam dan usaha-usaha menghadapi cabaran kewibawaan hukum adat Melayu.<sup>26</sup>

Kini didapati bahawa Mahkamah Syariah, Majlis-majlis Agama Islam, Dewan-dewan Undangan Negeri, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam dan sebagainya, masing-masing berperanan dalam usaha melaksanakan undang-undang Islam. Kesemuanya bertujuan memelihara kepentingan (*maslahah*) masyarakat Malaysia. Tidak dapat dinafikan bahawa undang-undang dan fatwa adalah berfaedah dan diperlukan pada setiap masa dan keadaan selaras dengan perkembangan tamadun yang dicapai.

Bagi pemerintah kaedah dua hak antara pemimpin dan masyarakat harus wujud dalam melaksanakan Undang-undang Islam. Prinsip Fiqh Islam ada menyebut "تصرف الامام على الرعية منوط بالمشاحة" yang bermaksud "tindak tanduk pemimpin terhadap rakyatnya (masyarakat) hendaklah berdasarkan maslahat." Asas ini adalah penting dalam menjamin keadilan dan keharmonian sesuatu masyarakat. Ini dapat dilihat sebagai contohnya peruntukan mengenai Harta Sepencarian satu perkara yang unik bagi masyarakat Melayu di Kepulauan Melayu ini ke dalam Enakmen-enakmen Keluarga Islam di Malaysia.<sup>27</sup>

Menurut kajian yang dibuat oleh Muhammad Nubli B. Hj. Abdul Wahab,<sup>28</sup> bahawa ahli Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi hal Ehwal Uagama Islam Malaysia, dalam membincangkan sesuatu masalah yang tidak dapat dibuat kesimpulan dari empat sandaran pokok, akan menggunakan sandaran subsidiari yang pada kelazimannya, *al-Masalih al-Mursalah* yang sering digunakan untuk mensabitkan sesuatu hukum berbanding dengan sumber-sumber lain.

## Kesimpulan

Mengikut bukti-bukti sejarah, penggunaan *Maslahah* itu tidak wujud secara rasmi dalam perundangan yang terawal. Cuma ulama Islam mengeluarkan hukum mengikut fahaman masing-masing berdasarkan maslahat tertentu. Walau bagaimanapun mengikut catitan sejarah, ulama Usul al-fiqh telah memperkenalkan *Maslahah* ini sejak tujuh abad hijrah yang pertama lagi dengan pelbagai teori, definisi dan sikap mereka yang berbeza-beza. Jika dilihat kepada bidang penggunaan *Maslahah*, ia meliputi segala cabang undang-undang am dan undang-undang khas, tetapi tidak dalam bidang ibadah-ibadah dan aqidah. Hal ini berjalan sejak zaman sahabat lagi sehinggalah sekarang, bahkan amat penting pada masa akan datang. Banyak hukum syarak yang diijtihadkan oleh ulama Islam yang terkenal dan banyak juga yang telah dilaksanakan dalam masyarakat kita kini mengikut fahaman pihak-pihak yang berkenaan.

Di samping itu terdapat ramai tokoh ulama tradisional yang lahir dari semasa ke semasa di seluruh dunia Islam. Mereka mengeluarkan pelbagai fatwa, untuk memberi jawapan kepada semua persoalan semasa yang dihadapi oleh umat Islam. Pada abad ini dan abad-abad seterusnya diharapkan berlaku perubahan yang lebih progresif, dinamik, realistik dalam pertumbuhan dan perkembangan undang-undang

Islam tempatan untuk direalisasikan dalam masyarakat dan pentadbiran negara secara lebih efektif dan tuntas. Para ulama tempatan juga diharapkan dapat menghasilkan kemampuan berijtihad yang sesuai untuk diaplikasikan dalam semua bidang kehidupan harian umat Islam di Malaysia khususnya pada zaman kecanggihan mengejar Wawasan 2020 ini.

#### Nota Kaki

1. Hadith riwayat Abu Daud, Tirmizi, Nasa'iy, Ibn Majah, al-Darimi dan Ahmad Ibn Hanbal.
2. Lihat, al-Qattan, Manna', *al-Tasyri' wa al-Fiqh Fi al-Islam*, Kaherah, 1396H. hh. 83.
3. Ulama Usul al-Fiqh (Ilmu prinsip undang-undang Islam) menggunakan berbagai istilah terhadap tujuan syarak ini, antara lain: (1) *al-Munasib* (2) *al-Mursal* (3) *al-'Illah* (4) *al-Hikmah* (5) *al-Sabab*, Lihat, Dr. Mustafa Zaid, *al-Maslahah Fi al-Tasyri' al-Islami*, Kaherah, 1964, hh. 385.
4. Muhammad Sa'id al-Ramadan al-Butiy, *Dawabit al-Maslahah Fi al-Syari'ah al-Islamiyyah*, Damsyiq, 1966/67, hh. 385.
5. *Ibid.*, hh. 390 - 391.
6. Dr. Sufi Hasan Abu Talib, *Tatbiq al-Syari'ah al-Islamiyyah Fi al-Bilad al-Islamiyyah*, Kaherah, 1978 M.
7. Dr. Mustafa Zayd, *op.cit.* , hh. 31.
8. Lihat, Dr. Othman bin Haji Ishak. *Fatwa Dalam Perundangan Islam*, Kuala Lumpur, 1981, hh. 2 - 3.
9. *Ibid.* , h. 3 yang disalin dari Taha Husain, *al-Fitnat al-Kubra* , Kaherah, 1966, Juz. 1, h. 180.
10. Dr. Mustafa Zayd, *op.cit.* , jld. 31.
11. Dr. Othman bin Haji Ishak, *op.cit.* , h. 19.
12. Muhammad Sa'id ramadan al-Butiy, *op.cit.* , hh. 361 - 362.
13. Ilmu mencacat dan membaik, lihat Hasan bin Hj. Salleh, *Sejarah Perundangan Islam*, PAP Kelantan, 1979, hh. 132.
14. Muhammad Sa'id ramadan al-Butiy, *op.cit.* , hh. 362 - 363.

15. Untuk keterangan lanjut sila lihat al-Maqrizi, *Kitab al-Khitat al-Maqeiziyyah*, Kaherah, 1325 M., Juz. 4, h. 143; cf. Ibn al-Qaiyim, *op.cit.*., Juz. 1, hh. 22 - 30.
16. Kafir yang berpura-pura beriman. Lihat Idris al-Marbawi, *Qamus Idris al-Marbawi*, Kaherah, 1350 H., Juz. 1, hh. 270.
17. Lihat al-Buti, Mohd. Sa'id, *op. cit.*,
18. *Ibid* hh. 384 - 385.
19. Dr. Mohd. al-Sa'id, *Buhuth Fi al-Adillah al-Mukhtalat fiha 'Ind al-Usuliyin*, Kaherah, 1978, h. 125.
20. Al-Syafi'i, *al-Risalah*, Misr, 1940 M., h. 505.
21. Al-Syafi'i, *al-Umm*, Kaherah, 1308H. Juz. 7, h. 50.
22. Al-Buti, Mohd. Sa'id Ramadan, *op.cit.*., h. 368.
23. Dr. Mustafa Zayd, *op.cit.*., h. 58.
24. Lihat Dr. Ohtman bin Haji Ishak, *op.cit.*., hh. 4 dan 5.
25. Abdul Halim Muhammady, "Sumbangan Institusi Pengajian Tinggi Islam Ke Arah Perlaksanaan Undang-undang Islam Di Malaysia", Seminar Syariah, Universiti Malaya, 1987, h. 7.
26. Abd. Jalil b. Hj. Borhan, "Sejarah Awal Penulisan Dan Perlaksanaan Hukum Islam di Nusantara", dalam *JURNAL SYARIAH* Jil. 1, Bil. 1, 1993, hh. 149.
27. Lihat, Raihanah Haji Abdullah, "Undang-undang Islam Dan Masyarakat, dalam *MONOGRAF SYARIAH I*, Jun 1993, hh. 46.
28. Lihat, Muhammad Nubli B. Hj. Abdul Wahab, "Penggunaan Al-Masoleh Al-Mursalah Dalam Fatwa Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia," Kertas Projek, Fakulti Syariah Februari 1993, h. 116.